



MOHD. HARIRI (empat dari kiri) bersama barisan exco Majlis Perwakilan Pelajar USIM semasa menjadi Yang Dipertuanya bagi sesi 2006/2007.



MOHD. Hariri (berdiri paling kanan) bersama keluarga pada majlis perkahwinan abang sulungnya.

Mohd. Hariri

seimbang akademik dan kokurikulum

Oleh QAMARUL MUNIRAH SAID >> Gambar MOHD. ZULASHRAFE ABDUL GHANI

ORANGNYA petah berbicara, bijak melontarkan kata-kata mematahkan hujah lawan malah beliau juga menjadi pemimpin yang disukai ramai.

Bukan hanya cemerlang di kampus malah turut aktif menyampaikan ilmu dan kemahiran yang dianugerahkan Ilahi untuk dikongsi bersama dengan masyarakat luar.

Walaupun aktif dalam aktiviti kepimpinan dan perdebatan, namun Mohd. Hariri Mohammad Daud tetap tidak melupakan tugasnya sebagai pelajar.

"Kokurikulum mesti seiring dengan akademik. Kita tidak boleh hanya memberi tumpuan kepada kokurikulum dan mengabaikan pelajaran," katanya.

Menurutnya, sejak di bangku sekolah lagi beliau telah melibatkan diri dalam bidang kepimpinan dan aktiviti kokurikulum.

Mohd. Hariri yang pernah menjadi Ketua Umum Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Perak, Jasin, Melaka dan menjadi ketua rumah sukan berkata, beliau tidak akan melebihkan kokurikulum daripada akademik dan sentiasa mendahulukan perkara yang lebih penting.

"Walaupun sibuk dengan tugas sebagai ketua dan menyertai pelbagai aktiviti lain, pelajaran tetap tidak saya lupakan dan sentiasa mendahulukannya.

"Alhamdulillah keputusan peperiksaan saya sepanjang pengajian ini tidak mengecewakan," kata pemuda berusia 24 tahun ini.

Kecemerlangan yang diperolehinya baik dalam akademik dan kokurikulum tidak hanya di peringkat sekolah malah diteruskan ke pusat pengajian tinggi.

Menurut anak kelahiran Pasir Mas ini, semasa menuntut di peringkat diploma di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), beliau dipilih sebagai Naib Presiden Dewan Tertinggi Pelajar KUSZA 2004.

Pada tahun kedua pengajiannya di peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), beliau diberi kepercayaan memegang tampuk kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi sesi 2006/2007.

Selain itu, Hariri juga banyak terlibat

GENERASI BERWAWASAI

dengan pelbagai aktiviti seperti debat, kemasyarakatan seperti bakti siswa dan beliau juga sentiasa dijempit untuk memberikan ceramah agama, motivasi dan mengadakan bengkel pengucapan awam di sekitar Negeri Sembilan, Melaka dan Lembah Kelang.

Menurutnya, sepanjang terlibat dengan debat, lebih daripada 20 kejohanan yang telah disertainya.

Antara kejayaan yang dicapainya adalah menjadi pendebat utama bagi KUSZA sejak di tahun satu pengajiannya dan pada tahun 2004, beliau pernah menjadi antara 10 pendebat terbaik institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Zon Timur.

Tambah anak kedua daripada lima beradik ini, beliau sekarang menjadi pendebat utama USIM dan telah terlibat dengan pelbagai kejohanan seperti Debat Diraja, Debat Alam Sekitar, Debat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan sebagainya.

"Lebih daripada 20 kejohanan telah saya sertai dan pencapaian terbaik setakat ini ialah menjadi antara lima pendebat terbaik IPTA pada kejohanan Debat Diraja pada tahun 2005 dan 2006 lalu dan naib johan bagi kejohanan Debat IKIM baru-baru ini," katanya.

Hariri mengaku bukan mudah untuk

menyeimbangkan antara pelajaran dan aktiviti yang disertainya dan memikul tanggungjawab sebagai 'penyambung suara rakyat'.

Kata beliau, berkat dorongan kuat ibu bapa dan rakan-rakan membuatnya mampu memikul semua tanggungjawab yang diamanahkan.

"Menyeimbangkan antara akademik dan aktiviti kokurikulum bukanlah sesuatu yang mudah jika pengurusan jadual tidak teratur.

"Bagi saya, setiap orang perlu mempunyai jadual sendiri terutamanya pelajar kerana dengan adanya jadual, kerja yang kita lakukan akan menjadi tersusun dan kita tahu apa yang perlu didahulukan," katanya.

Menurut Hariri lagi, menjadi seorang pemimpin memerlukan semangat yang kuat lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan kerenah anak-anak buah dan berhadapan dengan kritikan rakan-rakan.

"Sebagai pemimpin pelajar, saya perlu banyak bergaul dengan rakan-rakan dan orang sekeliling saya serta menjauhkan diri daripada bersifat ego," jelasnya.

Tambah beliau, seseorang pemimpin itu perlu menjaga sahsiah dirinya dan menonjolkan peribadi yang baik supaya menjadi contoh kepada orang yang dipimpinnya.

"Keperibadian, akademik dan juga kemahiran perlu berjalan seiring supra-

ya pemimpin itu menjadi seorang pemimpin yang efektif dan terbilang.

"Banyakkan membaca tentang isu-isu semasa selain menjauhkan diri daripada sifat mudah melenting apabila menerima sebarang kritikan," katanya.

Beliau turut menasihatkan para pelajar IPT supaya menggunakan tempoh pengajian yang ada untuk menimba ilmu dan membina sahsiah diri yang terpuji.

Menurutnya, universiti adalah tempat yang terbaik dan ideal untuk memajukan dan memperbaiki diri serta menjadi insan yang berguna.

Beliau kini aktif menulis artikel berbentuk ilmiah dan ada hasil penulisan diterbitkan oleh akhbar dan majalah. Selain itu, Hariri juga dalam proses menghasilkan buku pertamanya yang bakal dilancarkan tidak lama lagi.

Biodata

Nama: Mohd. Hariri Mohamad Daud

Tarikh lahir: 30 Oktober 1984

Tempat lahir: Pasir Mas, Kelantan Darul Naim.

Adik beradik: Anak kedua daripada lima beradik

Pendidikan: Diploma Pengajian Islam Usuluddin, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan sekarang menuntut di peringkat sarjana muda Dakwah dan Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pencapaian:

2006: Yang Dipertua, Majlis Perwakilan Pelajar USIM bagi sesi 2006/2007

2005/2006: Top 5 pendebat terbaik IPTA ketika kejohanan Debat Di-Raja

2004: 10 pendebat terbaik IPT di Zon Timur, Naib Presiden Dewan Tertinggi Pelajar KUSZA

2003: Exco Persatuan Pengajian Islam KUSZA



MOHD. HARIRI MOHAMMAD DAUD